



MUHAMMAD Nazaruddin Alwi menunjukkan ikan tuna dan ikan pari masing-masing dijual di gerainya dekat Pangkalan Nelayan Sementa, Kapar di Klang, Selangor.

Harga ikan berterusan meningkat

08 13/05/23 M/S 9

KUALA SELANGOR: Peniaga mendakwa harga ikan terus meningkat berikutan pemotongan subsidi diesel dilaksanakan pada Januari lalu dan ditambah dengan hasil laut yang semakin berkurangan akhir-akhir ini.

Malah, ikan yang didararkan sepanjang bulan Syawal ini juga dikatakan bersaiz kecil berbanding kebiasaan menyebabkan sambutan terhadap hasil laut itu tidak memberangsangkan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar-pasar nelayan sekitar daerah ini dan Klang mendapatkan, rata-rata harga sumber makanan itu berubah dalam tempoh hampir dua bulan sejak awal April lalu dan sebahagiannya menunjukkan peningkatan ketara.

Malah ada peniaga yang tidak lagi mengambil jenis ikan tertentu seperti ikan merah dan jenahak berikutan harganya naik mendadak kerana dikhawatir pelanggan tidak sanggup membelinya.

Seorang peniaga, Haslinda Mohd. Nor, 39, berkata, sehingga kini harga ikan didakwa tidak seimbang berbanding tahun lalu apabila angkanya sejak Januari hingga Mei secara umumnya terus meningkat.

Menurutnya, masih ada sebahagian jenis yang turun tetapi tidak ketara iaitu sekitar 50 sen.

“Saya tak lagi jual ikan merah dan jenahak kerana harga dari pembekal cecah RM38 sekilogram sedangkan sebelum hari raya, itu lah harga yang dijual. Berapa pula harga ikan itu boleh dijual?”

“Kalau ikan besar seperti merah dan jenahak memang tak jual kerana kalau harga cecah RM42 hingga RM45, pelanggan tak sanggup beli,” katanya ketika ditemui di Pasar Nelayan Sungai Yu.

Seorang lagi peniaga, Muhammad Hanafi Marzuki, 32, meluahkan saiz ikan pada akhir-akhir ini semakin kecil, walaupun sebahagiannya dijual murah.

“Ikan sardin dan pelaling yang dipanggil sebagai ikan rakyat, langsung tak jadi ‘rakyat’. Harga kedua-dua ikan itu menyamai harga ikan kembung. Masih tak dijual kerana harganya mahal dan

TINJAUAN HARGA IKAN Pengkalan Nelayan Sementa dan Pasar Nelayan Sungai Yu



Ikan	Harga dahulu	Harga semasa
Bawal emas	RM30	RM35
Bawal hitam	RM26	RM30
Bawal putih	RM34	RM34 (kecil)
Cencaru	RM12	RM7 (kecil)
Jenahak	RM38	RM38 (dari pembekal)
Kembong	RM16	RM20 (kecil)
Merah	RM38	RM39
Pelaling	RM18 - RM19	RM19 (kurang)
Senangin	RM25	RM32
Siakap	RM18	RM22
Sotong	RM35	RM18-RM38
Sardin/selayang	RM13	RM18

Jualan terus oleh nelayan di Sungai Sembilang, Jeram



Ikan	Harga nelayan	Harga jual
Gelama	RM6	RM10
Jenahak	RM40	RM43
Ketam	RM17	RM20
Merah	RM35	RM38
Pari	RM8	RM12
Pelaling (ikan rakyat)	RM5	RM8
Selar	RM2	RM5
Sembilang	RM17	RM20
Udang(ikut saiz)	RM14 - RM46	RM18 - RM50

ketika ini tangkapan ikan tersebut sangat kurang.

“Banyak nelayan memberitahu hasil tangkapan memang kurang. Tak pasti sama ada musim ikan kurang atau faktor lain,” jelasnya.

Di Pengkalan Nelayan Sementa, Klang pula, peniaga Muhammad Nazaruddin Alwi, 37, mengakui hasil laut bersaiz kecil dan terdapat beberapa jenis ikan tidak dapat dijual berikutan harganya terlalu tinggi.

“Sejak dibuka seminggu selepas raya, tak banyak hasil laut diperoleh nelayan terutama yang mencari ikan di kawasan berhampiran pantai. Ada yang dapat, saiz kecil sahaja seperti kembung.”

“Baru-baru ini kecoh di sini apabila ada dakwaan sekumpulan nelayan bot besar dari tempat lain masuk ke perairan persisiran

pantai dan menggunakan pukat harimau menangkap ikan, habis dengan batu karang, kayu-kayu semua dikaut,” dakwanya.

Bagi peniaga yang menjual terus hasil tangkapan nelayan di Pasar Sungai Sembilang, Jeram, Ismail Johari memberitahu, harga bagi ikan diambil terus tidak banyak berubah dan kurang menerima kesan daripada kenaikan di pasar-pasar besar.

“Harga ikan bagi jualan terus daripada nelayan masih rendah dan boleh dikatakan paling murah berbanding pasar lain. Harga ikan seperti gelama, selar, sembilang dan pari dijual antara RM6 hingga RM17 sekilogram.”

“Bagi hasil laut lain seperti jenahak, merah, ketam dan udang pula dijual sekitar RM18 hingga RM43 sekilogram,” katanya.